

51 Pensyarah FKAL dan FKI hadiri Program Kupi-Kupi Educator 4.0 UMSKAL

UB 2.11.2019 4

LABUAN: Kira-kira 51 Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) telah menghadiri Program Kupi-Kupi Educator 4.0 di Bilik EUPNKA, Bangunan Menara, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), semalam.

Program yang bermula pukul 2.30 petang itu dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMS, Prof. Dr. Haji Rasid Mail.

Hadir sama Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Haji Halik.

Pada majlis itu, Pengarah Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik (PKPKA), Prof. Dr. Vincent Pang, berkongsi Anugerah Akademik Negara (AAN) dan Anugerah Khas Menteri Pendidikan Malaysia : Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) serta Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (AKIPP 2020).

Pensyarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Dr. Liew Thor Seng,



TERBAIK: Prof Dr Rasid (tiga kanan), Prof Dr Murnizam (dua kanan) dan Prof Dr Vincent (tiga kiri) bersama Pensyarah FKAL dan FKI pada Program Kupi-Kupi Educator 4.0 di Bilik EUPNKA, UMSKAL.

berkongsi mengenai Pitching Finalis Anugerah Khas Menteri Pendidikan Malaysia : Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) Tahun 2019.

Manakala dua Pensyarah FKAL, Md Hafizi Ahsan dan Prof. Madya Dr. Hanudin Amin berkongsi pengalaman dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Prof Dr Murnizam mengucapkan terima kasih atas inisiatif Prof. Dr. Haji Rasid dan Prof. Dr. Vincent mengadakan Program Kupi-Kupi Educator 4.0 yang membolehkan pensyarah FKAL dan FKI serta Pusat Pena-

taran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mendapatkan ilmu tambahan mengenai kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.

Sementara itu, Prof. Dr. Haji Rasid berkata, pihak pengurusan UMS sentiasa memberi ruang dan peluang kepada pensyarah UMS untuk meneroka lebih banyak ilmu sekaligus memberi manfaat kepada pelajar.

Beliau turut memuji usaha Prof Dr Murnizam mengadakan program itu secara santai di tempat yang selesa dan kondusif bagi memudahkan pensyarah bertukar-tukar idea dan pandangan berkaitan tugas hakiki mere-

ka, inovasi dan kreativiti.

“Kita mahu ahli akademik sentiasa mengadakan sesi perkongsian kecemerlangan dan inovasi pengajaran.

“Program anjuran PKPKA itu bertujuan untuk mempromosikan tahap motivasi antara pensyarah sebagai tenaga pengajar bersemangat tinggi dan mengikuti edaran zaman pengajaran terkini,” tambah Prof. Dr. Haji Rasid.

Beliau berharap ahli akademik sentiasa berkongsi ilmu dengan rakan sejawat mereka di Kampus Induk di Kota Kinabalu dan UMS Sandakan mahupun UMSKAL sendiri.